

Lima kampung dilanda banjir

Sebanyak 44 rumah dinaiki air, sembilan keluarga ditempatkan sementara di pusat pemindahan

■ **KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN**

KERIAN - Banjir yang melanda daerah Kerian menyebabkan 44 rumah dari lima kampung dinaiki air sehingga paras semeter, manakala sembilan keluarga ditempatkan di pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Alor Pongsu, semalam.

Ahli Parlimen Bagan Serai, Dr Noor Azmi Ghazali berkata, banjir mula melanda kawasan Mukim Beriah tiga hari lalu dan memasuki rumah penduduk di Kampung Parit Simpang 4, Kampung Parit Simpang 5, Parit Lebai Kadir, Matang Pasir dan Kampung Changkat Lobak.

Menurutnya, sebelum ini, terdapat lima keluarga mangsa banjir ditempatkan di surau Kampung Parit Simpang 4, di sini apabila rumah mereka

mula dinaiki air kelmarin.

"Saya dimaklumkan pusat penempatan mangsa banjir mula beroperasi secara rasmi pada jam 4 petang semalam setelah Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Parit Simpang 4 dan 5 menegaskan sembilan keluarga mangsa banjir terlibat perlu dipindahkan segera.

"Daripada sembilan keluarga yang dipindahkan, jumlah keseluruhan mangsa terlibat adalah 23 orang meliputi tujuh lelaki, lapan wanita, tiga kanak-kanak lelaki dan lapan kanak-kanak perempuan.

"Setakat ini, kesemua mangsa banjir adalah normal dan tidak uzur, cuma seorang daripada mereka merupakan calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)," katanya ketika ditemui selepas melawat Pusat Penempatan

Mangsa Banjir di SK Alor Pongsu semalam.

Dr Noor Azmi berkata, di sebalik masalah banjir melanda Kerian, pihaknya berpuas hati dengan keprihatinan kesemua agensi kerajaan terlibat yang menunjukkan komitmen tinggi dalam membantu mangsa banjir.

Menurutnya, jumlah mangsa banjir dijangka tidak bertambah berikutan keadaan banjir di kawasan Mukim Beriah kini mula surut apabila catatan ketinggian paras banjir menurun.

"Di sebalik kemerosotan itu, masih timbul persoalan tentang keberkesanan pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Kerian meskipun projek itu baru 70 peratus siap.

"Saya dimaklumkan terdapat masalah struktur ban



Antara rumah di Sungai Manik yang dinaiki air.

tebatan banjir yang tidak kukuh dikesan di kawasan Kampung Matang Pasir dan harus diberi perhatian Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memandangkan kos projek itu hampir RM500 juta," katanya.

Dr Noor Azmi turut menegaskan punca sebenar banjir di kawasan Mukim Beriah disebabkan hujan lebat luar biasa di kawasan Hulu Selama ditambah keadaan air laut pasang menyebabkan paras air Sungai Kerian lebih tinggi dan melimpah melewati ban tebatan banjir yang dibina.

"Impak positif pelaksanaan RTB Lembangan Sungai Kerian dirasai penduduk daerah Kerian apabila banjir besar yang biasa berlaku pada waktu sebegini kini dikurangkan secara maksimum," katanya.

Dr Noor Azmi turut meninjau keadaan beberapa rumah di Kampung Parit Simpang 5 yang dinaiki air di samping turut menawarkan khidmat pemeriksaan kesihatan kepada mangsa banjir yang uzur.

Pintu air rosak punca banjir

Adun Alor Pongsu, Datuk Sham Mat Sahat ketika ditemui berkata, banjir berpunca daripada masalah pintu air seliaan JPS dikenal pasti rosak di beberapa kawasan kampung.

"Saya gesa JPS Kerian kaji semula keberkesanan pelaksanaan RTB Lembangan Sungai Kerian di sekitar Mukim Beriah dan Parlimen Bagan Serai.

"Perlaksanaan projek menelan jutaan ringgit ini sewajarnya menyelesaikan masalah banjir di daerah Kerian ke tahap optimum.

"Namun, banjir masih berlaku dan sebarang masalah teknikal perlu diatasi segera demi mengelakkan banjir menjadi lebih buruk," katanya.

Sham turut menggesa Jabatan Kerja Raya (JKR) Kerian menaik taraf jalan di sepanjang Kilometer 15 hingga Kilometer 17 Jalan Bagan Serai-Selama memandangkan jalan itu mudah dinaiki air sekiranya berlaku hujan lebat.

"Mengenai keadaan mangsa banjir, sekiranya banjir menjadi lebih buruk, saya akan arah kesemua mangsa yang masih tinggal di rumah untuk dipindahkan ke Pusat Pemindahan Mangsa Banjir di SK Alor Pongsu.

"Segala urusan kebajikan mereka ditanggung Pusat Khidmat Adun Alor Pongsu dengan dibantu pelbagai agensi kerajaan terlibat.

"Saya turut difahamkan hampir 60 mangsa banjir di kawasan Matang Pasir dan Changkat Lobak bakal menduduki peperiksaan SPM esok (hari ini) dan pihak kami sudah memohon bantuan daripada Renjer Taiping untuk menyediakan kemudahan pengangkutan," katanya.

Sementara itu, di daerah Hilir Perak, kawasan Sungai Manik turut mengalami banjir menyebabkan dua keluarga di Kampung Sungai Batu, terpaksa berpindah apabila kediaman mereka dinaiki air dalam kejadian banjir tengah hari semalam.

NOVEL ADAPTASI

AMAR BAHARIN
HANIS ZALIKA
SHARNAAZ AHMAD
AMYRA ROSLI

buku prima **GLOBAL STATION**

ASTRO RIA (104) & ASTRO MAYA HD (135)
SETIAP ISNIN • 9.00 MALAM

BERMULA 27 OKTOBER 2014

DAPATKAN NOVEL
"SUAMIKU ENCIK SOTONG"
DI PASARAN ATAU BELI SECARA ONLINE DI KARANGKRAF MALL
[HTTP://MALL.KARANGKRAF.COM](http://mall.karangkraf.com) • TEL: 03-5101 7480/81

BUKUPRIMA.KARANGKRAF.COM [BUKUPRIMA](https://www.facebook.com/bukuprime) [@BUKUPRIMA](https://www.instagram.com/bukuprime)

buku prima



Dr Noor Azmi (dua, kanan) menyerahkan bantuan makanan kepada keluarga mangsa banjir.